

Mengubah Umat Islam

UM 31/10/2003 - 8 PRECISE

Melalui UMNO

Oleh ZULKIFLEE BAKAR

SESUNGGUHNYA Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubahnya sendiri. Firman Allah dalam surah Ar Ra d ayat 11 inilah yang menjadi pegangan utama kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sepanjang menjadi Presiden UMNO dalam usaha untuk memastikan umat Islam terus tidak terkongkong dengan pemikiran kuno mengenai tafsiran agama Islam sebenarnya.

Justeru dalam usahanya untuk mengubah pemikiran orang Melayu mengenai ajaran Islam, Dr. Mahathir telah membuka, mendedah serta memaparkan pelbagai peristiwa yang melibatkan umat Islam.

Bagi Dr. Mahathir, umat Islam tidak akan mengalami kemunduran, kemiskinan atau ditindas oleh mana-mana kelompok jika mereka mengikut ajaran Islam sebenar.

Tetapi malangnya dari semasa ke semasa ajaran Islam telah dipesong dan diputarbelitkan malah diperalatkan demi untuk kepentingan politik kelompok tertentu.

Keadaan lebih buruk lagi, apabila ajaran Islam telah dilihat dalam skop yang sempit sehingga wujudnya kelompok yang menyeru umat Islam hanya menumpukan perhatian kepada kebahagiaan akhirat semata-mata manakala urusan dunia perlu ditinggalkan.

Pemikiran dan tafsiran seumpama ini amat meresahkan Dr. Mahathir atas sebab itulah Presiden UMNO itu tidak pernah jemu-jemu mengingatkan umat Islam mengenai firman Allah itu.

Perpecahan

Tambahan pula, pemikiran yang sempit ini telah mengakibatkan perpecahan serius di kalangan umat Islam bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di negara luar.

Oleh itu, walaupun dilemparkan dengan pelbagai tuduhan termasuk anti kebangkitan Islam, Dr. Mahathir tidak pernah berputus asa untuk menedevarkan umat Islam supaya kembali kepada ajaran Islam sebenar.

Bagi Dr. Mahathir adalah mustahil jika ajaran Islam dipatuhi umat Islam semakin buruk keadaannya. Pemimpin berusia 78 tahun ini sering mengingatkan umat Islam tentang bahaya perpecahan sesama mereka dan wujudnya kelompok yang memperalatkan agama demi kepentingan politik.



DR. MAHATHIR MOHAMAD diiringi ulama Syria ketika melawat Masjid Umayyah di Damsyik Ogos lalu. Umat Islam antarabangsa menyanjungi sumbangan dan pandangan beliau.

Kritikan beliau terhadap politik sempit yang diamalkan oleh Pas bukanlah kerana beliau melihat Pas sebagai 'musuh politik utama' UMNO, tetapi kerana kebimbangan beliau bahawa jika politik seumpama itu diteruskan kesan buruknya akan menimpa umat Islam keseluruhannya.

Dr. Mahathir tidak mahu melihat umat Islam di Malaysia menjadi seperti umat Islam di negara-negara lain yang bukan sahaja ditindas malah ada di antaranya harus tunduk kepada kuasa bukan Islam semata-mata kerana perpecahan antara mereka.

"Lihatlah apa yang sedang terjadi dalam

dunia Islam, walaupun nampaknya ada kesedaran yang baru terhadap ajaran agama tetapi kesedaran ini lebih tertumpu kepada soal-soal yang memecah belahkan umat Islam dan mencetuskan peperangan di kalangan mereka.

"Tidak ada perhatian serius yang diberikan kepada penyerapan ilmu, kepada memperkuat persaudaraan dan kepada menentang musuh.

"Akibatnya ialah orang Islam tidak hidup bahagia seperti yang dijanjikan kepada umat Nabi Muhammad s.a.w, sebabnya bukan kerana Islam menghalang tetapi kerana orang Islam mudah dipesong daripada ajaran Islam, mudah dipengaruhi oleh nafsu," kata Dr. Mahathir.

Kejatuhan empayar Islam dijadikan sandaran utama kepada Dr. Mahathir untuk mengingatkan umat Islam bahawa mereka akan terus ketinggalan berbanding bangsa lain jika hanya mementingkan pendidikan agama semata-mata.

Firman Allah dalam surah Al Anfal ayat 60 yang bermaksud;

Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka dengan kekuatan apa sahaja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya.

Firman Allah ini turut menjadi pegangan kukuh oleh Dr. Mahathir dalam usaha mengingatkan umat Islam mengenai persiapan dan usaha yang harus mereka lakukan demi untuk mencapai kemajuan dalam kehidupan.

Menghayati

Pada pandangan Dr. Mahathir, umat Islam tidak akan mencapai sebarang kemajuan selagi mereka tidak menghayati dengan sebenar-benarnya maksud Allah dalam firman berkenaan.

Berdasarkan kepada keazaman itulah, walaupun menerima kecaman hebat daripada puak-puak yang melihat Islam dari sudut yang sempit dan mengamalkan politik assabiyah, Dr. Mahathir tidak pernah berhenti untuk mengingatkan umat Islam mengenai wujudnya kelompok yang memperalatkan Islam demi kepentingan politik mereka.

Bagi Dr. Mahathir, masalah kemunduran Islam akan semakin serius dan buruk apabila wujudnya golongan yang mengaku ulama cuba mempengaruhi umat Islam untuk mengikut tafsiran mereka semata-mata kerana politik kepartian.

"Menyedari bahawa kedudukan mereka sebagai ulama memberi pengaruh yang amat kuat kepada mereka, mereka tidak segan-segan menyalah tafsirkan agama untuk kepentingan politik diri sendiri.

"Mereka mendakwa Islam adalah parti mereka dan parti mereka adalah Islam. "Pelajaran dan ilmu yang terkeluar dari bidang pengetahuan orang yang ada kepentingan ini dikatakan sekular dan menuntut supaya diharamkan. Dengan menghadkan dan melumpuhkan bidang

pengetahuan orang Islam iaitu dengan menjadi orang Islam kolot mereka berharap dapat mengekalkan pengaruh dan kuasa mereka dalam masyarakat Islam," kata Presiden UMNO itu.

Dr. Mahathir juga cuba menyedarkan umat Islam bahawa cara berpakaian tidak boleh dijadikan sandaran untuk melabelkan seseorang itu Islam atau tidak.

Dalam satu kejutan, Dr. Mahathir memaparkan bagaimana mereka yang bertudung dan berjubah serta berserban melakukan jenayah dan maksiat.

Walaupun langkah ini mendapat kecaman daripada beberapa pihak namun Dr. Mahathir tidak pernah berundur dari-

pada kenyataannya bahawa adalah satu kesilapan jika manusia itu dilihat dari sudut zahir sahaja.

Ketegasan Dr. Mahathir dalam memperjuangkan Islam bersama-sama UMNO telah berjaya mengubah persepsi sesetengah umat Islam yang selama ini hanya mengaitkan Islam dengan Pas manakala UMNO pula hanyalah sebuah parti sekular.

Kini imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam semakin terserlah dan dihormati di seluruh dunia, segalanya hasil usaha Dr. Mahathir yang seringkali menjadikan pentas Perhimpunan Agung UMNO untuk mendidik umat Islam.



DR. MAHATHIR selepas majlis perasmian pembukaan Masjid Mukim Kok Lanas 24 kilometer dari Kota Bharu Kelantan, pada April 1982.



GOLONGAN tua dan muda bersalaman dengan Dr. Mahathir selepas sembahyang Jumaat.